



**KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI  
MINISTRY OF INTERNATIONAL TRADE AND INDUSTRY**

Menara Perdagangan Antarabangsa dan Industri,  
No.7, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah,  
50480 Kuala Lumpur,  
MALAYSIA

Tel : 603 8000 8000  
Faks (Fax) : 603 6206 4693  
Laman Web (Web) : [www.miti.gov.my](http://www.miti.gov.my)  
E-mel (E-mail) : [webmiti@miti.gov.my](mailto:webmiti@miti.gov.my)

Rujukan MITI : MITI.700-24/3/6 (266)  
Tarikh : 13 Julai 2021

**KEPADA YANG BERKENAAN**

Tuan/Puan,

**SURAT KEBENARAN PERJALANAN UNTUK HADIR KE PUSAT PEMBERIAN VAKSINASI (PPV) DI BAWAH PROGRAM IMUNISASI INDUSTRI COVID-19 KERJASAMA AWAM-SWASTA (PIKAS)**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Seperti yang tuan/puan sedia maklum, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) telah dilantik sebagai agensi penyelaras bagi Program Vaksinasi Sektor Ekonomi yang dikenali sebagai Program Imunisasi Industri COVID-19 Kerjasama Awam-Swasta (PIKAS) seperti mana yang telah dipersetujui oleh Mesyuarat Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV) Bil 8/2021 yang dipengerusikan oleh YB Menteri MOSTI dan YB Menteri Kesihatan pada 6 April 2021.

3. Untuk makluman tuan/puan, **GALAXY AEROSPACE (M) SDN BHD** telah berdaftar di bawah PIKAS seperti berikut:

Tarikh Vaksinasi	Lokasi PPV
15 Julai 2021	Malaysia International Trade and Exhibition Centre (MITEC)

4. Walau bagaimanapun, terdapat situasi di mana beberapa pekerja syarikat masih belum menerima notifikasi melalui aplikasi MySejahtera, laman sesawang, kad janji temu atau mesej pesanan ringkas (SMS) tetapi telah mendapat tarikh dan masa secara manual.

5. Oleh yang demikian, mohon kerjasama tuan/puan untuk memberi kebenaran perjalanan kepada pembawa surat ini yang merupakan pekerja syarikat yang telah dijadualkan untuk mendapat vaksinasi namun masih belum menerima notifikasi melalui aplikasi MySejahtera, laman sesawang, kad janji temu atau mesej pesanan ringkas (SMS). Surat ini hanya terpakai untuk pergerakan dari kediaman atau tempat kerja ke PPV yang dikhurasukan sahaja.

6. Segala perhatian dan kerjasama pihak tuan/puan, didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

**“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

( **ABDUL AZIZ MOHAMAD SHARKAWI** )

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri